

EK,

ECONEWS (ulangan)

USAHA SAMA AKAN MEMBANTU PEMINDAHAN TEKNOLOGI ASING

SHAH ALAM, 19 Mei (Bernama) -- Syarikat tempatan perlu mengadakan rangkaian hubungan (lingkares) dengan syarikat antarabangsa melalui usaha sama atau kerjasama teknikal supaya dapat meraih teknologi tinggi terkini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini.

Beliau berkata syarikat asing melalui usaha sama ini pula hendaklah berusaha memindahkan teknologi mereka secepat mungkin kepada anak-anak tempatan.

Melalui langkah tersebut, anak-anak tempatan dapat berdikari di dalam bidang masing-masing, katanya semasa merasmikan pembinaan kilang pengacuan Proton di sini.

Beliau berkata syarikat-syarikat usaha sama dari luar negara hendaklah memperoleh keuntungan berasaskan kecekapan dan daya saing dan tidak kepada perlindungan daripada kerajaan.

"Jika kerajaan terpaksa memberi perlindungan cukai, maka negara akan mengalami kerugian walaupun syarikat usaha sama itu memperoleh keuntungan," katanya.

Sementara itu, rakan tempatan harus menguasai dan mempertingkatkan teknologi sendiri kerana rakan asing tidak akan memindahkan 100 peratus teknologi ciptaan mereka, tambah beliau.

Dr Mahathir berkata projek kereta nasional yang dikendalikan oleh Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) sesungguhnya telahpun mencapai matlamat tersebut.

Antara lain, beliau berkata program pembangunan komponen tempatan yang diusahakan oleh Proton telah berjaya memberi kesan yang positif.

Rancangan tersebut bukan sahaja telah menunjukkan kejayaan tetapi juga penglibatannya secara langsung di dalam kegiatan pemesinan komponen telah dapat dilaksanakan.

Beliau berkata bahawa adalah wajar bagi Proton mempertingkatkan penglibatannya di dalam industri dan aktiviti hulu untuk mencapai tahap sebagai pengeluar kereta yang mampu berdikari dan menghadapi persaingan di peringkat antarabangsa.

Kilang pengacuan tersebut, yang bertapak seluas 9.4 hektar di Taman Perindustrian Glenmarie Hicom, bernilai sejumlah RM260 juta.

Kilang tersebut dijangka memulakan pengeluaran pada pertengahan tahun depan. Di antara keluarannya adalah blok selinder dan disk brek. -- Bernama